

Medan tonjol potensi diri

Peluang yang ada perlu dipergunakan atlet sebaik mungkin

IPT perlu dilihat sebagai medan untuk atlet menonjolkan potensi diri semaksimum mungkin. Ini kerana atlet yang cemerlang bukan sahaja menaikkan reputasi IPT itu sendiri, malah turut menjadi teladan kepada pelajar lain dan pada masa membuka kepada peluang memperoleh ganjaran terutama sepanjang tempoh pengajian.

"Justeru peluang yang ada perlu dipergunakan sebaik mungkin oleh atlet," jelas Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman.



PROF ROSLAN

"Mengambil contoh di UPM, diadakan sukan kolej dan seterusnya atlet daripada pertandingan tersebut dipilih mewakili UPM ke kejohanan sukan seperti MASUM, SUKIPT dan seterusnya mewakili negara dan lain-lain kejohanan lagi," tambahnya.

Ganjaran, insentif

Menurutnya lagi, dalam sukan-sukan yang diberi keutamaan di UPM seperti ragbi, olahraga dan memanah, ia mempunyai dana khas kementerian serta punyai banyak keistimewaan, antaranya mempunyai jurulatih khas, pendedahan pertandingan dalam dan luar negara, mobiliti atlet, program latihan intensif



UPM antara IPT yang melahirkan ramai pemain hoki kebangsaan.

serta pelbagai faedah lagi.

"UPM menyediakan ganjaran dalam bentuk sugu hati serta keistimewaan yuran sebagai satu insentif. Walau bagaimanapun ia bergantung kepada taraf kejohanan dan pencapaian diperoleh sama ada menang di sukan Olimpik, Asia dan lain-lain lagi. Pada masa sama, pencapaian ini memudahkan mereka memperoleh biasiswa sukan yang merupakan satu kelebihan kepada mereka.

"Pihak UPM dengan kerjasama Majlis Sukan Negara juga menyediakan kemudahan penginapan khas dan penyediaan makanan kepada Atlet Negara bagi memudahkan mereka menguruskan masa dengan baik khususnya aktiviti akademik dan latihan sukan.

"Dengan reputasi UPM yang mempunyai ramai atlet negara pelbagai sukan menyambung pelajaran serta berjaya bergelar graduan dan pada masa sama berjaya dalam sukan, membuktikan ia telah mempunyai acuan yang mantap serta wajar dicontohi. Justeru itu, ia wajar digunakan sebagai model pembelajaran untuk atlet berjaya," jelasnya lagi.

Membina karier

Bagi Universiti Teknologi Malaysia

(UTM) yang turut melahirkan ramai mahasiswa atlet di peringkat kebangsaan, penglibatan pelajar dalam aktiviti sukan sangat digalakkan.

"Ini kerana pelajar boleh terus membina karier sedari peringkat universiti lagi. Malah, di UTM sendiri terdapat program 5ETP teras Sukan yang diwujudkan khas untuk mahasiswa yang berminat melibatkan diri dalam sukan," jelas Pegawai Sukan, Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni, UTM, Armadi Ahmad.



ARMADI

Sebagaimana kebanyakan IPT lain, UTM turut memberi ganjaran dan penghargaan kepada mahasiswa cemerlang ini melalui insentif berupa wang tunai selain diraikan melalui beberapa anugerah peringkat universiti di samping pencalonan dalam anugerah peringkat nasional.

Universiti juga menurut Armadi menitikberatkan kesungguhan dan semangat juang pelajar dan sentiasa memberi sokongan seperti sekiranya mereka terpaksa meninggalkan kelas, pelepasan akan diberikan selagi pengajian mereka tidak terjejas.

"Pihak universiti juga sentiasa memantau perkembangan dan pencapaian akademik pelajar agar seiring dengan kejayaan di bidang sukan," katanya.

APAKATA MEREKA...

Kelebihan sebagai mahasiswa atlet ini selain boleh dapat biasiswa sukan, kami juga diberi pelepasan dari segi penangguhan pengajian terutama apabila terlibat dalam kejohanan besar. Juga, berbeza dengan pelajar lain, kami boleh belajar perlahan-lahan."

- **Leong Mun Yee, Pengajian Master Komunikasi Korporat, UPM (Sukan: Terjun/4 X Olimpik)**



Pihak universiti sentiasa mencari alternatif membantu atlet cemerlang sukan dengan memberikan insentif serta pengecualian yuran bagi satu semester. Kami juga dapat platform terbaik untuk menyambung pengajian ke peringkat degree dan seterusnya."

- **Syed Mohd Syafiq Syed Cholan, Bachelo Sains Pembangunan Manusia, UPM (Sukan: Hoki/Pasukan kebangsaan)**



Sebagai atlet universiti, saya mendapat kelebihan untuk menggunakan fasiliti sukan yang disediakan universiti pada bila-bila masa. Cuma, pada masa akan datang, saya berharap pihak universiti dapat memberikan elaun latihan kepada atlet."

- **Sazatul Nadhirah Zakaria, Sarjana Muda Kejuruteraan Bio Perubatan, UTM (Sukan: Memanah/Pingat Perak di Bangkok Asia Cup Stage 1 World Rank 2018)**



Kelebihan atlet adalah ditawarkan biasiswa sukan. Yuran pengajian akan dibayar pihak KPM. Atlet hanya perlu menjaga dan meningkatkan prestasi pelajaran dan pencapaian sukan dari semasa ke semasa."

- **Muhammad Faizul M Nasir, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Mekanikal), UTM (Sukan: Pencak Silat/Pingat Emas di International Kyrgyzstan Pencak Silat Championship 2018)**



PENCAK silat, antara sukan yang menjulang nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

